



Oleh:
TAN SRI
SAMAD
IDRIS

Siri 50

Hendak melangkah kaki pendek

SEKARANG orang lebih suka membeli beras, yang lebih mudah dan murah daripada bermandi lumpur di bawah terik hangat matahari. Kemungkinan juga kebanyakan penduduk yang separuh umur dan mahir mengerjakan sawah sudah berpindah ke Rancangan Tanah FELDA, di samping anak-anak muda pula berhijrah ke bandar.

Perubahan sosial di kampung-kampung ini menyebabkan penghuninya tinggal orang tua-tua berumur lanjut dan anak-anak sekolah. Sudah tentulah golongan demikian tidak lagi berupaya mengerjakan tanah sawah kerana:

Hendak melangkah kaki pendek

Hendak mencapai tangan tak sampai,

Jika ditambah sebaris lagi:

Hendak berkejar lutut dah longgar.

Saya pernah bercakap dengan beberapa orang dari mereka mengenai masalah tanah sawah terbiar ini kerana segala kemudahan yang ada sekarang boleh meningkatkan pendapatan dan tidak pula terlalu berat untuk mengerjakannya. Ia tidak perlu lagi menggunakan cangkul atau rimbas, disebabkan jentera pembajak boleh disewa dengan harga murah dan ada pula baja subsidi.

Tetapi mereka spontan menjawab, "Kami hanya tinggal berdua suami isteri, dan sudah tua, makan pun sebanyak mana. Apalah guna bersusah payah untuk mencangkul dan menanam padi, hidup pun bukan lama lagi".

Alasan yang mereka berikan memang wajar. Rata-rata orang kampung perbelanjaan harian mereka suami isteri memang mencukupi setakat \$100 sebulan. Kebanyakan mereka pula mempunyai anak-anak yang bekerja di bandar-bandar saban bulan mengirinkan wang perbelanjaan kepada ibu bapa di kampung.

Sebahagian mereka pula seperti kebiasaan penduduk kampung, memelihara ayam itik sebagai ternakan. Pendapatan hasil dari ternakan ini juga boleh menampung kehidupan mereka suami isteri sama ada hasil jualan ayam ma-hu pun telurnya.

Begitupun nampaknya kerajaan tidak berdiam diri dalam meningkatkan pendapatan petani. Sawah bendang yang dulunya menghiu dan menguning dengan kesuburan padi, digalakkan dengan mempelbagaikan tanaman kontan. FEL-CRA ditugaskan melaksanakan projek bagi membangunkan tanah terbiar demikian.

Terdapat juga di beberapa tempat tanaman kelapa sawit dan koko diusahakan oleh agensi kerajaan ini. Sejauh mana kejayaan projek berkenaan masih terlalu awal untuk ditentukan sekarang. Bagaimanapun tidak ada pokok yang ditanam tidak berbuah, cuma banyak atau sedikit hasilnya sajalah.

Dalam hubungan ini saya teringat satu pepatah orang tua-tua dahulu yang menyebut:

Ada padi semua menjadi

Ada emas semua kemas.

Apakah pepatah ini sudah tidak sesuai lagi sekarang?